



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA

PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA

Blok C1 - C3, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-88853001

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)S.179/17/2-11 Jld. 3 (21)

Tarikh : 12 November 2019/15 Rabiulawal 1441H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA TAJAAN BADAN ASING TAHUN 2020

- **JICA KNOWLEDGE CO-CREATION PROGRAM FOR LONG TERM PARTICIPANTS – AGRICULTURE STUDIES NETWORKS FOR FOOD SECURITY (AGRI-NET)**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa *Japan International Cooperation Agency* (JICA) akan menawarkan penajaan biasiswa bagi peringkat pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di Jepun di bawah program *Agriculture Studies Networks For Food Security (Agri-Net)*.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengemukakan pencalonan daripada **pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** di Kementerian/ Jabatan/ Agensi YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan untuk mengikuti program ini. Tarikh buka dan tutup permohonan/ pencalonan adalah seperti berikut:

- (i) Tarikh permohonan *online* bagi pegawai yang ingin memohon adalah bermula pada **12 November 2019 (Selasa)** sehingga **29 November 2019 (Jumaat)**; dan
- (ii) Tarikh tutup pencalonan oleh Ketua Jabatan/ Ketua Perkhidmatan adalah pada **6 Disember 2019 (Jumaat)**.

4. Maklumat lanjut seperti syarat serta tatacara permohonan dan pencalonan bagi program ini adalah seperti di **Lampiran 1. Pencalonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini di alamat:**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA.
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam Perkhidmatan di talian 03-8885 3053 atau emel penawaranldp@jpa.gov.my .

6. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AZURA BINTI AZIZ)

Bahagian Pembangunan Modal Insan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN
AGRICULTURE STUDIES NETWORKS FOR FOOD SECURITY (AGRI-NET)**

1. Syarat-syarat pencalonan

- (a) Berumur tidak melebihi **40 tahun pada 1 April 2020**;
- (b) Pegawai-pegawai Kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap seperti berikut:**

Perkhidmatan	Tempoh Minimum Pada 1 Januari 2020
Keseluruhan Dalam Perkhidmatan Awam	5 tahun
Di Kementerian/ Jabatan/ Agensi semasa	6 bulan

- (c) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (d) Mencapai markah **Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2016, 2017 & 2018)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- (e) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/ pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2020)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (f) Kursus yang dipohon adalah **berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas** iaitu agrikultur, pembangunan luar bandar, *one health*, sumber marin, pembangunan perikanan, rantai makanan dan konservasi alam sekitar;
- (g) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;

- (h) Tidak menerima bantuan penajaan yang lain;
- (i) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (j) Telah mengisyiharkan harta;
- (k) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- (l) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental;
- (m) Mencapai tahap penguasaan Bahasa Inggeris dengan skor minimum seperti berikut:
 - i. TOEFL PBT : 580
 - ii. TOEFL iBT : 92
 - iii. IELTS (Academic Modules) : 6.5
 - iv. CEFR : B2

2. Tatacara Permohonan/Pencalonan.

2.1 Tanggungjawab Pegawai.

- 2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara atas talian di Portal eSila, JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 12 November 2019 (Selasa) sehingga 29 November 2019 (Jumaat)**;
- 2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun dan dicetak** untuk dihantar kepada Ketua Jabatan dan/ atau Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:
 - (i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
 - (ii) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**);
 - (iii) *JICA Application Form* (bersama gambar berukuran 4cm x 3cm)
 - (iv) *Annex 1: Declaration of Desired University Placement*

- (v) *Annex 2: Research Plan*
- (vi) *Annex 3: Details of Current and Previous Work*
- (vii) *Annex 4: Career Plan after Graduation*
- (viii) Salinan Ijazah Pertama/ Sarjana/ kelulusan yang setaraf dengannya – Skrol dan transkrip rasmi DALAM BAHASA INGGERIS/ diterjemahkan secara rasmi ke Bahasa Inggeris (telah disahkan);
- (ix) Salinan passport; dan
- (x) Salinan pencapaian TOEFL/ IELTS/ CEFRL (sekiranya ada).

Semua dokumen di perkara 2.1.2 di atas hendaklah dikemukakan dalam **TIGA (3) SALINAN** (1 dokumen asal dan 2 dokumen salinan yang disahkan) kepada Jabatan ini.

- 2.1.3 Bagi pegawai **Perkhidmatan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui **Kementerian** masing-masing. Bagi pegawai **Perkhidmatan Bukan Gunasama**, permohonan hendaklah dikemukakan melalui **Ketua Perkhidmatan** masing-masing. Permohonan dengan **dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan** melalui **Kementerian atau Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

2.2 **Tanggungjawab Ketua Jabatan dan Ketua Perkhidmatan.**

- 2.2.1 Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan untuk **memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja**.

- 2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel

Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005 dengan menggunakan **Borang JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen** di **Perenggan 2.1.2.**